



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**25 APRIL 2021 (AHAD)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**25 APRIL 2021 (AHAD)**

# Tiada subsidi minyak botol

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan tidak memberikan subsidi minyak masak botol yang dijual mengikut harga pasaran berdasarkan mekanisme pengapungan harga.

Menjelaskan perkara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, harga bagi minyak masak botol adalah tidak tetap dan berubah-berubah mengikut harga pasaran semasa.

Menurut beliau, harga pasaran minyak masak adalah ditentukan oleh harga minyak sawit mentah dunia dan lain-lain kos yang menyumbang kepada penentuan harga runcit minyak masak botol seperti kos operasi, kos bahan mentah (minyak masak mentah) dan kos pembungkusan (kos botol atau plastik adalah berbeza).

Bagaimanapun, katanya, kementerian memandang serius situasi harga barangan keperluan pengguna yang tidak terkawal, termasuk minyak masak botol di pasaran kerana ia menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup rakyat.

"Kenaikan harga barang-



**ALEXANDER NANTA LINGGI**

yang terlalu tinggi atau tidak terkawal adalah asas kepada suatu tindakan pemeriksaan dilaksanakan. Bagaimanapun, ia tidak semestinya mencatut. Analisis pencatutan akan dilaksanakan setelah maklum balas notis diterima daripada peniaga.

"Sebarang kenaikan yang dibuat tanpa mematuhi perundangan pencatutan adalah mencatut dan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 termasuk kepada minyak masak botol yang ada di pasaran," katanya dalam keny-

taan semalam.

Alexander berkata, harga minyak mentah dunia menunjukkan aliran meningkat sejak 2018 dan pada akhir Disember tahun lalu sehingga mencecah RM3,835 per metrik tan (mt), manakala pada tahun ini mencapai RM 4,153 mt sekali gus memberi kesan kepada harga runcit minyak masak botol.

Oleh itu, katanya, wajar dan munasabah situasi perubahan harga minyak mentah dunia ini memberi kesan kepada perubahan harga runcit minyak masak botol yang dijual di pasaran.

Kata beliau, rakyat perlu memahami senario yang berlaku dalam menentukan perubahan harga pada barang keperluan seperti minyak masak botol.

"Berdasarkan rekod pemantauan harga KPDNHEP, bekalan minyak masak jenis tulen botol 5 kg dijual antara RM21.50 sehingga RM30 di pasaran. Pengguna ada pilihan harga di antara RM21.50 sehingga RM30.

"Harga runcit minyak masak campuran jauh lebih tinggi berbanding minyak masak sawit tulen. Minyak masak campuran mempunyai penambahan kos yang juga mempengaruhi harga jual minyak masak," katanya.

Dalam pada itu, Alexander berkata, berdasarkan rekod, aduan berhubung minyak masak botol dijual pada harga tinggi menunjukkan penurunan tahun ini iaitu sebanyak 16 aduan diterima pada Januari, tiga aduan (Februari) dan lima aduan (Mac) manakala tiada aduan diterima pada bulan ini.

Sehubungan itu, kata beliau, kerajaan meneruskan program pemberian subsidi terhadap minyak masak dalam polibeg satu kilogram (kg) tetap bagi memastikan rakyat terus dapat menikmati bekalan minyak masak untuk kegunaan isi rumah pada harga mampu milik iaitu RM 2.50 (satu kg).

Katanya, pengguna diberi pilihan untuk memilih minyak masak bersubsidi satu kg yang juga berkualiti, atau memilih minyak masak botol yang ada dijual dalam pelbagai berat dan harga.

"Sebanyak 60,000 mt sebulan (atau 720,000 mt setahun) minyak masak satu kg bersubsidi diedarkan di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar dan jumlah itu mencukupi bagi kegunaan 32.7 juta orang rakyat Malaysia," katanya.

## Hukum peniaga tipu pelanggan

**Belum** pun reda kes kartel daging halal, timbul pula isu peniaga tak jujur menjual daging sejuk beku sebagai 'daging segar'. Sedih apabila peniaga sanggup cari rezeki dengan cara menipu, lebih-lebih lagi ketika Ramadan.

Memang patut Perdana Menteri minta kementerian terbabit ambil langkah proaktif tangani isu yang menjelaskan pengguna. Bukan sekadar tangani kenaikan harga barang, tetapi lihat sama golongan tak jujur seperti peniaga yang menipu serta pihak yang memanipulasi harga barang.

Kita sedar ketika pandemik masih menular ramai yang terdesak, namun ia bukan alasan untuk menipu pelanggan dan mengaut untung cara salah.

HARI : AHAD  
TARIKH : 25/4/2021  
M/SURAT : 1



**Benarkah peniaga  
cuba memanipulasi  
harga? Ikuti soal  
jawab bersama**

**Menteri KPDNHEP,  
Datuk Seri Alexander  
Nanta Linggi  
mengenai isu harga  
barang kawalan**

**Nasional 12/13**

# Kuat kuasa kawalan harga bila-bila masa demi rakyat

Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

**Soalan (S):** Mengapa isi kenaikan harga barang selalu timbul, terutama setiap kali menjelang musim perayaan seolah-olah seperti trend?

**Jawapan (J):** Dalam situasi biasa, perubahan harga menunjukkan penurunan dan kenaikan adalah *price behaviour* yang umumnya boleh berlaku dalam sistem ekonomi terbuka di negara ini.

Tidak hairanlah bagi musim perayaan, perubahan harga juga dijangka berlaku disebabkan permintaan dan penawaran mula agresif atau meningkat luar biasa, disebabkan masyarakat banyak mengadakan sambutan sosial.

Perubahan harga berlaku disebabkan sistem ekonomi terbuka Malaysia yang percaya kepada konsep penawaran dan permintaan boleh menjadi pentuan kepada harga barang di pasaran serta berdasarkan rantaian bekalan dan pengedaran dalam ekosistem jual beli.

Perlu diketahui, dasar kerajaan tidak menetapkan atau mengawal harga barang, kecuali di

Kenaikan harga barang mentah seolah-olah tiada kesudahan terutama ketika Ramadan dan musim perayaan.

Ia mengundang senario tuding-menuding hingga rakyat tertanya-tanya siapa sebenarnya bertanggungjawab.

Wartawan BH, **Mahani Ishak** mendapatkan penjelasan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna

Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin.

bawah kawalan harga secara perundangan dan pentadbiran seperti gula, minyak masak, paket dan tepung gandum serba guna satu kilogram serta gas memasak, petrol kenderaan dan pelitup muka; barang di bawah Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan (SHMMP).

**S:** Benarkah persepsi ada pihak tertentu memainkan peranan memanipulasi harga barang dan mengambil kesempatan mengaut untung khususnya ketika musim perayaan?

**J:** Tidak dinafikan, manipulasi harga barang mengaut keuntungan berlebihan menjelang dan

ketika musim perayaan boleh dan ada berlaku di pasaran.

Ia dilakukan segelintir peniaga tidak bertanggungjawab dan beretika. Perkara ini dibuktikan apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan pengawasan SHMMP dan mengesahkan segelintir peniaga gagal mematuhi peruntukan peraturan di bawah skim itu.

Mengikut rekod, tindakan kes SHMMP sepanjang 2020 berjumlah 47 di bawah kesalahan menjual melebihi harga maksimum serta masing-masing 225 kes membabitkan kesalahan ti-

dak meletakkan tanda harga dan gagal menggunakan tanda harga warna merah jambu.

Perlakuan mengaut keuntungan berlebihan ini, tidak saji berlaku dalam lingkungan antara peniaga dengan pengguna, bahkan sesama peniaga juga.

Oleh itu, kerajaan melaksanakan SHMMP untuk menetapkan harga siling pada setiap peringkat perniagaan (ladang, borong dan runcit) dengan tujuan tiada manipulasi harga untuk kaut untuk lebih antara peniaga dengan peniaga.

**S:** Siapakah selalunya terbabit dan apa faktor mempengaruhinya

harga barang di pasaran terutama dalam kes kenaikan mendadak harga ayam?

**J:** Sistem ekonomi Malaysia terbuka. Kerajaan percaya kemajuan ekonomi negara mewujudkan konsep penawaran dan permintaan menjadi penentu kepada harga barang di pasaran dengan mewujudkan persaingan harga sihat dan kompetitif dalam kalangan peniaga.

Sistem rantai bekalan dan pengedaran dalam ekosistem jual beli juga menyumbang penentuan harga barang di pasaran.

Secara am, pelbagai faktor menyumbang kenaikan harga.



Doktor Politik Universiti Malaya

Antaranya, peningkatan jumlah permintaan melebihi penawaran (kadar pembekalan barang di pasaran).

Selain itu, perubahan nilai mata wang asing lebih tinggi berbanding ringgit; kewujudan banyak rantaian pengedaran barang sebelum sampai kepada pengguna dan aktiviti monopolii.

Juga perubahan dasar negara asal (jika barang diimport), pe-

#### ngan di pasaran?

**J:**Kawan harga di bawah SHMMP selama 30 hari, bermula 21 April sehingga 20 Mei sudah dilaksanakan pada setiap peringkat rantai pengedaran ayam (ladang, borong dan runcit) bagi menyekat kenaikan harga barang di pasaran sepanjang Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal me-

tanda harga berwarna merah jambu barang harga terkawal pula, bagi individu boleh didenda sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000, manakala bagi syarikat, boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Pegawai Pemantau Harga KPDNHEP digerakkan di seluruh negara bagi memantau harga runcit pengguna di premis perniagaan runcit terpilih, termasuk pasar basah atau pasar awam.

Hasil pemantauan dikemas kini dan dimuat naik di paparan aplikasi *Price Catcher* untuk dicapai dan disenak secara *real-time* oleh pengguna.

**S:**Sejauh mana SHMMP membantu menyelesaikan isu kenaikan harga barang?  
**J:**La langkah proaktif menghalang kenaikan harga barang keperluan ketika musim perayaan. Skim ini dapat mencapai kejayaan dalam memberi manfaat seimbang kepada pengguna dan peniaga.

Kerajaan yakin pelaksanaan skim ini mampu mengurus kenaikan harga tidak terkawal dengan kerjasama semua pihak, iaitu tanggungjawab peniaga untuk mematuhi setiap peraturan perundangan di bawah skim ini yang berpuasa kuasa di bawah AKHAP 2011.

Kerjasama pengguna penting untuk berperanan sebagai pengguna bijak dan peka dengan hak sebagai pengguna.

**S:**Dengan isu harga barang terus menerus berlaku, apakah usaha digerakkan belum mencukupi atau strategi digunakan selama ini silap atau kurang berkesan?  
**J:**Isu harga barang akan terus me-

ningkat, apabila tiada kerjasama dan tanggungjawab segelintir peniaga untuk mengamalkan aktiviti perniagaan berdasarkan persaingan harga kompetitif dan stabil di pasaran serta mematuhi peruntukan undang-undang di bawah KPDNHEP.

**S:**Boleh ulas mengenai Ops Cutat 8.0. Apa sasaran utama KPDNHEP?  
**J:**Tujuan pelaksanaan Ops Cutat 8.0 (Pengeluar/Penternak/Pengilang dan Pemborong Ayam) di bawah AKHAP 2011 bagi memberi reaksi berkaitan kenaikan harga ayam daging di pasaran dan menjadi penyumbang peningkatan kos sara hidup rakyat.

Ops Cutat 8.0 dilaksanakan 15 hingga 22 April lalu bertujuan memantau perubahan harga barang ayam daging di bawah penguasaan AKHAP 2011.

**S:**Pemborong dan penternak antara memainkan peranan utama dalam kenaikan harga barang atau tindakan mencatut. Apa komen?  
**J:**Perlakuan mengambil untung berlebihan boleh berlaku pada peniaga tidak beretika dan bertanggungjawab menjalankan urus niaga bersama pengguna mahupun semasa rakan niaga.

Perlakuan tidak bertanggungjawab ini boleh berlaku di mana-mana peringkat rantai pengedaran dan pembekalan.

**S:**Sejauh mana peranan pengguna membantu memantau harga barang sebagai 'mata dan telinga' kepada KPDNHEP?  
**J:**Harapan kementerian adalah peniaga memberi kerjasama mematuhi peruntukan perundangan di bawah skim ini dan pengguna di-

galakkan membuat pembelian dengan bijak.

Pada masa sama, terus menjadi mata dan telinga KPDNHEP serta menyalurkan maklumat berkaitan salah laku peniaga melanggar undang-undang di bawah bidang kuasa KPDNHEP secara rasmi melalui saluran disediakan.

**S:**Boleh kongsikan statistik tindakan dan penguasaan KPDNHEP susulan kenaikan harga barang ini?  
**J:**Pada hari pertama pelaksanaan SHMMP HRP, sebanyak 2,073 pemeriksaan dijalankan ke atas premis perniagaan di seluruh negara merangkumi 52 pemeriksaan ke atas premis borong dan 2,021 ke atas premis runcit.

Selain itu, tiada tindakan undang-undang dikenakan membabitkan peniaga menjual melebihi harga maksimum, tiada tanda harga dan gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu.

**S:**Apa usaha KPDNHEP untuk stabilkan harga barang tertentu pada musim perayaan seperti ayam dan daging?  
**J:**SHMMP 2021 dikuatkuasakan untuk menyekat kenaikan harga barang keperluan ketika Ramadhan dan menjelang Aidilfitri. Kita memberikan mesej kepada pengilang, pemborong dan peruncit bahawa kerajaan mempunyai kuasa di bawah AKHAP 2011, iaitu pada bila-bila masa boleh laksana kawalan harga demi kepentingan rakyat.

Tarikh kuasa skim ini antara 21 April hingga 20 Mei di bawah AKHAP 2011 iaitu membabitkan 30 jenis barang di bawah SHMMP HRP terdiri daripada ayam, telur ayam, daging dan hasil laut.

**“**Harapan kementerian adalah peniaga memberi kerjasama mematuhi peruntukan perundangan di bawah skim ini dan pengguna digalakkan membuat pembelian dengan bijak**”**

rubahan pengenaan kadar cukai, perubahan iklim, cuaca dan bencana alam.

Ia juga berlaku kerana menam pang peningkatan kos keseluruhan perniagaan, termasuk sewaan bangunan, pengangkutan dan utiliti sedangkan kadar keuntungan berkurangan kesan tempoh operasi perniagaan pendek, perlanggan terhad dan peningkatan kos pengeluaran serta barang-kadar upah pekerja dan peningkatan harga bahan mentah atau komoditi.

**S:**Apakah KPDNHEP untuk mengekang semua ini daripada terus menjaskan harga bar-

matuhi peraturan di bawah SHMMP Hari Raya Puasa (HRP) 2021 ini.

Mana-mana peniaga melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipengcutatan (AKHAP) 2011 dan boleh dikenakan penalti.

Untuk kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum, individu boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000. Bagi syarikat, boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Kesalahan gagal meletakkan

# Jaminan bekalan makanan perlu ditadbir urus

**Nur Asyikin  
Aminuddin**

**S:** Dari kaca mata pengguna, sejauh mana isu kenaikan harga barang membebarkan?

**J:** Sangat membebarkan. Dalam keadaan ekonomi belum stabil, sekarang bukan masa sesual kenaikan harga mendadak. Semua pihak bergejol masalah kewangan.

Ia tidak sepatutnya berlaku ketika pengguna bertungku-kus-lumus mencukupkan makanan di atas meja bagi ahli keluarga.

**S:** Mengapa isu ini selalu timbul khususnya menjelang musim perayaan hingga boleh dikatakan sebagai trend?

**J:** Ya betul, sudah jadi perkara biasa setiap tahun, umpama acara tahunan. Secara logik, harga barang memang akan naik pada musim perayaan dan Ramadan, namun tidak mendadak seperti sekarang. Ia disebabkan permintaan tinggi barang basah ber-

kutan ketika ini memang tertumpu aktiviti makan bersama keluarga dan sanak saudara.

Selain itu, ramai peniaga makanan bernaiga di bazar. Oleh itu, permintaan barang basah untuk makanan tinggi berbanding hari biasa. Sekiranya permintaan tinggi, tetapi bekalan makanan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pengguna, ia punca kenaikan harga.

Oleh itu, jaminan bekalan makanan perlu ditadbir urus dengan baik supaya dapat menampung permintaan pengguna bila-bila masa, bukan hanya tertumpu musim tertentu.

Lagipun sekarang masuk musim hujan, jadi pihak pengeluar seperti nelayan dan petani tidak dapat mengutip hasil banyak. Oleh itu, semua guna alasan keadaan cuaca sebagai alasan harga barang naik.

Teknologi semakin maju, ada banyak cara tadbir urus bekalan makanan untuk menjamin bekalan tidak terputus dan tidak per-

lu bergantung keadaan cuaca. Sekiranya bekalan makanan sebelum musim hujan dapat ditadbir urus dengan baik, harga barang tidak akan naik mendadak jika ada permintaan terlampau tinggi.

Apabila bekalan makanan sentiasa selari dengan permintaan pengguna, harga barang tidak naik begitu tinggi.

Isu kenaikan harga bukan baru-baru. Setiap tahun akan timbul. Mungkin sesetengah pihak rasa biasa jika berlaku kenaikan harga ketika Ramadan, tetapi kami tidak berasaskan ia normal berikutnya setiap tahun berlaku isu sama.

Kita perlu lebih bersedia dengan isu kenaikan harga dan pemantauan lebih tegas serta berterusan di sepanjang rantai bekalan makanan.

Kalau kita lihat analisis Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam sektor makanan, dinyatakan ada pelbagai lapisan di sepanjang ran-

taian bekalan makanan sehingga berlaku enam kali kenaikan kos harga barang.

Apabila sampai kepada pengguna akhir di rantai bekalan makanan, semestinya harga barang akan lebih tinggi sebab segalah kenaikan pelbagai lapisan sudah dipindahkan kepada pengguna paling akhir.

**S:** Timbul persepsi ada pihak tertentu memanipulasi harga barang, sekali gus mengambil kesempatan menguntungkan khususnya musim perayaan. Sejaah mana iu benar?

**J:** Ya, tidak mustahil jika ada pihak tertentu memonopoli industri. Di sini pentingnya pematuhan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan.

Berdasarkan analisis MyCC, memang ada pihak tertentu memonopoli industri makanan. Contohnya, pengimport sayur kerana hanya pihak berkenaan yang lulus dan sudah biasa segalah peraturan serta pematu-

han dikenakan kerajaan terhadap barang impor.

Kerajaan perlu mengamalkan *free market* supaya industri dapat bersaing dengan sihat dan tiada pihak berpeluang memanipulasi harga barang. Malah, pengguna juga banyak pilihan.

**S:** Pengguna mendakwa peniaga menaikkan harga, sedangkan peniaga juga tersesit kerana harga ditentukan pembekal/pemborong sedia tinggi. Sejaah mana iu benar?

**J:** Perkara ini tidak mustahil jika tiada pemantauan pihak berkuasa. Pertama, kita kena faham dalam rantaian bekalan makanan ada pengeluar, pembekal/pengedar, peruncit dan akhir sekali pengguna.

Disebabkan pelbagai lapisan di sepanjang rantai bekalan makanan, pihak berkuasa perlu memantau semua pihak di setiap lapisan. Sekiranya tertinggal satu lapisan sahaja, pihak itu akan mula memanipulasi

# dengan baik

harga, sekali gus mewujudkan kesan domino.

Jika satu lapisan mula menaikkan harga barang tanpa sebab, pihak seterusnya akan dapat harga barang memang sudah tinggi. Akhirnya segala kos kenaikan harga akan dipindahkan kepada pengguna.

Sebab itu, kalau pihak berkusahaan betul-betul memantau pihak berkepentingan secara berterusan dan bukan bermusim, tiada pihak berani bermain harga. Kita faham, cuaca juga antara punca kenaikan harga.

**S:** Ada cadangan permit import ayam dan daging ditambah untuk mengimbangi pasaran, sekali gus menstabilkan harga barang. Wajarkah ini dilakukan dalam keadaan negara berdepan isu kartel daging?

**J:** Tidak perlu. Malaysia perlu bersedia hasilkan pengeluaran makanan sendiri, tidak boleh terlalu bergantung makanan import.

Contohnya, isu kenaikan men-

dak harga bawang beberapa bulan lalu kerana India menghadkan ekspor bawang berikut mahu mencukupkan permintaan untuk rakyat mereka.

Maka bekalan bawang di negera ini jadi sangat terhad, tetapi permintaan tinggi. Perkara sebegini jadi punca harga barang naik. Itulah kesannya kalau kita terlambau bergantung makanan impor?

Contoh lain, ketika wabak COVID-19 mula melanda Malaysia, masa itu juga berlaku pergerakan terhad. Urusan pengangkutan makanan menjadi perihal dan situasi ini menyebabkan punca kenaikan harga kerana bekalan makanan tidak dapat memenuhi permintaan pengguna.

Sudah tiba masa kita memungkarkan hasil pengeluaran makanan sendiri. Kita sepatutnya belajar daripada situasi genting mengenai jaminan bekalan makanan negara ketika wabak COVID-19 melanda. Selepas ini, sila tahu ada lagi wabak lain, te-

tapi kita masih bergantung makanan impor?

**S:** Ada mendakwa usaha pihak berkusa memantau harga barang belum mencukupi.

**J:** Ada kemungkinan juga mereka membuat pemantauan hanya berdasarkan aduan pengguna. Namun, sampai bila kita nak terhantuk baharu nak tengadah?

Lebih baik kalau mulai mencegah daripada awal, iaitu membuat pemantauan berterusan pada setiap lapisan.

Aduan pengguna juga sangat penting membantu pihak berkusa mengekang masalah kepenggunaan berlanjut.

**S:** Sejauh mana pandangan pengguna selaku kelompok paling terkesan diambil kira dalam isu berkaitan harga barang ini? Apakah ruang libat urus persatuan pengguna disediakan?

**J:** Kalau kita lihat kenyataan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP) baru-baru ini, kementeriannya sudah membuat perbincangan bersama pihak berke-

tingan mengenai harga barang.

Namun, buat masa ini tiada sebarang pembabitan persatuan pengguna berhubung isu harga ini bersama pihak kementerian.

**S:** Mungkin ada cadangan tertentu untuk KPDNHEP pertimbangkan dalam isu berkaitan harga barang?

**J:** Industri rantai bekalan makanan kita perlu *free market* yang tiada pihak tertentu memonopoli industri makanan. Ia baik untuk persaingan lebih sihat, malah pengguna juga banyak pilihan.

Pihak berkusa juga perlu melakukan pemantauan setiap lapisan rantai bekalan makanan berterusan serta berintegriti tinggi supaya tidak timbul isu kartel.

**S:** Apakah hak pengguna sekiranya mendapati harga barang keperluan tertentu di pasaran terlalu tinggi?

**J:** Sekiranya berla-

ku kenaikan harga makanan terlalu ketara, pengguna boleh membuat aduan kepada FOMCA di talian 03-7877 9000 atau 03-78036000 atau melalui saluran WhatsApp pihak KPDNHEP di talian 019-2794317.

Pengguna boleh rujuk senarai barang harga terkawal musim perayaan di Facebook FOMCA dan KPDNHEP dikuatkuasakan dari 21 April hingga 20 Mei depan.



**B**AGAIKAN menjadi suatu kelaziman saban tahun menjelang musim perayaan, timbul isu berkaitan kenaikan harga barang basah. Pengguna merungut selepas terpaksa membayar lebih daripada kebiasaan untuk mendapatkan barang tersebut terutamanya ayam. Tinjauan yang dibuat baru-baru ini mendapati, ada peniaga dikatakan terpaksa menjual ayam sehingga RM10 sekilogram. Mereka menegaskan, terpaksa menjual pada harga tinggi kerana pembekal meletakkan harga tinggi. Pihak pembekal iaitu penternak pula mendakwa, peningkatan harga ayam disebabkan kos operasi yang meningkat sehingga 50 peratus dan mereka harus berbuat demikian bagi menyerap kenaikan kos tersebut.

Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2021 sehingga 20 Mei ini.

Walaupun SHMMP dilaksanakan, masih terdapat peniaga gagal mematuhiinya dan menjual barang melebihi harga siling ditetapkan.

Bagi membincangkan perkara itu, wartawan *Kosmo! Ahad*, **Farid Ahmad Tarmizi** telah menemu bual Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini.

**KOSMO! AHAD:** Setiap tahun, ketika musim perayaan terutama menjelang Hari Raya Aidilfitri, barang keperluan terutamanya bahan makanan seperti ayam menghadapi kenaikan harga. Apakah pandangan Datuk mengenai situasi ini?

**ROSOL:** Kita tak boleh naikkan isu kenaikan harga barang termasuk ayam memang berlaku saban tahun khususnya menjelang perayaan.

Bagi saya, Malaysia tidak pernah ada masalah bekalan ayam pada musim perayaan. Umpama dah jadi satu trend, harga barang, ayam naik pada musim perayaan.

Keprihatinan kerajaan adalah untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Dalam hal ini, kerajaan perlu sokongan pihak industri bagi mencapai matlamat ini.

Namun, ada ketika ada pihak cuba menangguk di air keruh dan mengambil kesempatan.

Kementerian sering mengadakan sesi libat urus dengan pemain industri untuk memastikan keberadaan bekalan dan kestabilan harga barang.

Ketika negara dilanda pandemik Covid-19, ramai yang terjejas pendapatan dan hilang pekerjaan, kenaikan harga tentunya menjadi satu beban kepada mereka.

Justeru, antara langkah difikirkan berkesan untuk menangani isu manipulasi harga ini, kerajaan mempertimbangkan menambah permit import (AP) sementara bekalan ayam pada musim perayaan.

Ini kerana, apabila bekalan melebihi permintaan, menyumbang kepada kestabilan harga dan pengguna mempunyai lebih pilihan.

Bagaimanapun, isu AP tidak timbul lagi kerana pihak industri memberi kerjasama baik kepada kita dan masalah harga ayam selesai dengan pelaksanaan SHMMP Hari Raya Puasa 2021 bermula Rabu lalu.

Kita harap kestabilan harga ini berterusan. Jika harga ayam kembali melonjak selepas SHMMP tamat

# Kawal harga ayam sepanjang tahun



Pelaksanaan SHMMP untuk mengekang tindakan segelintir peniaga tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang sesuka hati untuk mendapat keuntungan lebih ketika permintaan meningkat.

20 Mei depan, kerajaan bersedia dengan beberapa solusi termasuk mempertimbangkan kemungkinan melaksanakan harga kawalan ayam.

**Umum mengetahui, ayam adalah makanan popular dalam kalangan rakyat negara ini. Adakah kenaikan harga ayam hingga RM10 sekilogram baru-baru ini adalah satu kesalahan dan apakah bentuk tindakan diambil KPDNHEP?**

Memang benar, ayam bukan hanya mendapat permintaan tinggi ketika musim perayaan, tetapi boleh dikatakan sepanjang masa.

Ayam bukanlah barang basah yang tertakluk di bawah harga kawalan.

Kerajaan tidak kawal harga ayam kecuali pada musim perayaan utama seperti Hari Raya Puasa apabila SHMMP dilaksanakan.

Pelaksanaan SHMMP ini diiktukwasakan sejak tahun 2000 lagi di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencututan (AKHAP) 2011.

Pelaksanaan SHMMP untuk mengekang tindakan segelintir peniaga tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan menaikkan harga barang sesuka hati untuk mendapat keuntungan lebih ketika permintaan meningkat.

Dalam perkembangan sama, menjual ayam dengan harga tinggi satu kesalahan sekiranya peniaga

didapati mencatut.

Tindakan boleh diambil mengikut AKHAP 2011 sekiranya kita terima aduan ada peniaga menjual ayam pada harga tidak munasabah. Itulah yang berlaku baru-baru ini.

Kita terima aduan orang ramai harga ayam melambung hingga RM10 sekilogram dan kita ambil tindakan siasat.

Susulan beberapa aduan kenaikan harga barang, kita mengambil tindakan agresif dengan melaksanakan Ops Pantau dan Ops Catut 8.0. Ops Pantau bermula 13 April lalu yang menumpukan lokasi tumpuan ramai.

Mulai 15 April lalu, kita kuatkuasakan Ops Catut 8.0 susulan isu kenaikan harga ayam di pasaran.

Menerusi Ops ini, kita pantau penternak, pengeluar, pemborong dan peniaga ayam dan mereka yang disyaki mencatut diberikan notis bertulis untuk mengemukakan dokumen diperlukan bagi siasatan.

Jika terbukti mencatut, tindakan lanjut iaitu mengenakan kompaun boleh diambil.

Dalam pada itu, kita laksanakan SHMMP lebih awal pada tahun ini.

Keblasaannya kita laksanakan SHMMP minggu ketiga Ramadan, tetapi kerana isu harga ayam melambung meresahkan rakyat, kita ambil tindakan proaktif dengan

**ROSOL** persoal harga ayam naik mendadak ketika Ramadan, sedangkan kenaikan komponen makanan ternakan berlaku empat bulan lalu.

laksanannya bermula Rabu lalu. Alhamdulillah, rakyat tarik nafas lega dengan langkah segera diambil bagi tangani isu kenaikan harga ayam.

**Kalangan penternak ayam mendakwa kenaikan harga ayam disebabkan kos membeli dedak meningkat dan mereka terpaksa menjualnya pada harga tinggi bagi menyerap kenaikan tersebut. Adakah ini benar?**

Makluman awal yang kita terima daripada penternak dan peladang mendakwa, mereka terpaksa menaikkan harga jualan ayam hidup kepada pemborong kerana menanggung kos makanan ternakan yang naik mendadak.

Menerusi Ops Catut 8.0 yang bermula sejak 15 April lalu sehingga setakat 21 April lalu kita keluarkan sejumlah 84 notis.

Ia meliputi 63 notis dikeluarkan di peringkat pemborong, manakala baki 21 notis kepada penternak, pengeluar dan pengilang ayam.

Notis bertulis ini untuk kita jalankan siasatan lanjut mengenai kos mereka dan sekiranya wujud elemen pencatutan, tindakan boleh diambil mengikut AKHAP 2011.

Namun, menurut Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, kenaikan komponen makanan ternakan ini berlaku sejak empat bulan lalu, tetapi mengapa harga ayam dinaikkan mendadak ketika umat Islam menyambut Ramadan.

Itu yang menjadi persoalan kita dan berlaku kenaikan sebanyak tiga kali dalam tempoh seminggu hingga mencecah RM10 sekilogram.

Data Majlis Harga Barang Negara (MHBN) pula mendapati, trend harga jualan ayam sebelum Ramadan sekitar RM7.50 sekilogram, tiba-tiba harganya naik mendadak ketika umat Islam menyambut puasa.

Kementerian menerima kira-kira 50 aduan kenaikan harga ayam di seluruh negara dalam tempoh seminggu Ramadan. Itu tak termasuk aduan tidak rasmi di laman sosial.

Kita prihatin terhadap keluhan rakyat yang terbeban dengan isu ini.

Ini bukan bermakna peniaga tidak penting, tidak sama sekali kerana semua keputusan diambil, mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak.

Kita faham perniagaan mereka terkesan dengan kenaikan harga komponen makanan ternakan, tetapi itu bukan alasan untuk menekan pengguna. Mereka bukan langsung tiada untung, cuma mungkin sedikit merosot berbanding sebelum ini.

**Selepas SHMMP Hari Raya Puasa 2021 ini dikuatkuasakan Rabu lalu, penternak, pemborong dan peniaga mengeluh harga siling yang ditetapkan kerajaan ‘membumih’ perniagaan**

## E K S T R A

DATUK ROSOL WAHID

- Berusia 56 tahun
- Ahli Parlimen Hulu Terengganu
- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengajian Kependidikan, Sains Sosial dari Universiti Malaya
- Memiliki Sarjana Pengurusan Perniagaan dari Open Universiti Malaysia Terengganu
- Pernah menjawat jawatan Pengurusi Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Wanita Terengganu pada 2004
- Pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengurusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Koperasi Terengganu pada 2008

**PIHAK KPDNHEP menurut Rosol,** menjalankan siasatan berhubung dakwaan ada peniaga menjual ayam pada harga mahal selepas SHMMP dilaksanakan.

**Apakah strategi dan kaedah yang diambil pihak KPDNHEP dalam mengawal kenaikan harga ayam dan barang keperluan lain menjelang Aidilfitri?**

Kita sedar ada suara-suara sumbang mengatakan KPDNHEP lambat bertindak ketika isu harga barang naik.

Kita ambil tindakan proaktif dan segera laju melaksanakan SHMMP Hari Raya Puasa 2021 lebih awal.

Namun, sebelum SHMMP dilaksanakan, kita lakukan libat urus dengan pemain industri terlibat kerana perlu bersikap adil kepada semua pihak.

Untuk peringkat pertama ini, kita senaraikan 12 barang keperluan daripada kategori ayam, daging dan hasil laut yang mana harganya dikawal menerusi



mereka. Boleh ulas mengenai perkara ini?

Tuduhan kerajaan ‘membumih’ perniagaan mereka sangat tak wajar.

Harga siling ayam yang ditetapkan dipersempit bersama selepas sesi libat urus diadakan dengan pemain industri termasuk penternak, pemborong, persatuan penternak, dan agensi terlibat seperti Jabatan Veterinar, selain berdasarkan kajian trend harga dan kos. Ia dibuat secara sistematik menang-menang.

Maksudnya, peniaga masih mendapat untung dan pengguna juga tidak terbeban.

Kestabilan harga barang dikawal perlu diselaraskan supaya manfaatnya tidak hanya dinikmati pengguna, tetapi juga peniaga.

Sebab itu, kita umumkan pada 19 April lalu, tetapi penguatkuasaan hanya bermula pada Rabu, 21 April kerana kita faham ada peniaga perlu menghabiskan bekalan diperoleh lebih awal pada harga sebelum dikuatkuasakan.

Mernang kita terima laporan masih ada peniaga menjual ayam pada harga mahal selepas SHMMP berkua kuasa dan kita jalankan siasatan.

**Apakah strategi dan kaedah yang diambil pihak KPDNHEP dalam mengawal kenaikan harga ayam dan barang keperluan lain menjelang Aidilfitri?**

Kita sedar ada suara-suara sumbang mengatakan KPDNHEP lambat bertindak ketika isu harga barang naik.

Kita ambil tindakan proaktif dan segera laju melaksanakan SHMMP Hari Raya Puasa 2021 lebih awal.

Namun, sebelum SHMMP dilaksanakan, kita lakukan libat urus dengan pemain industri terlibat kerana perlu bersikap adil kepada semua pihak.

Untuk peringkat pertama ini, kita senaraikan 12 barang keperluan daripada kategori ayam, daging dan hasil laut yang mana harganya dikawal menerusi

penetapan harga siling yang perlu dipatuhi peniaga sepanjang 30 hari dilaksanakan.

Dengan kekangan 2,226 pegawai penguat kuasa di seluruh negara, kita menggunakan kekuatan mereka pada tahap maksimum demi menjaga kepentingan lebih 32 juta rakyat.

**Sehingga kini, berapa pengusaha yang dikenakan tindakan oleh KPDNHEP kerana menaikkan harga barang sesuai hati dan menyusahkan pengguna yang semakin tersebut ekoran Covid-19?**

Selepas sehari SHMMP dikuatkuasakan, sebanyak 4,411 pemeriksaan premis borong dan runcit dibuat di seluruh negara oleh pasukan penguat kuasa kementerian.

Sehingga 22 April lalu, kita merekodkan satu kes yang dikenakan tindakan kompaun kerana tidak mempamerkan tanda harga.

Sekiranya masih berdejil dan peniaga menjual barang terkawal melebihi harga maksimum ditetapkan, tindakan tegas akan diambil mengikut AKHAP 2011.

Jika ada peniaga tidak mematuhi SHMMP atau menjalankan perniagaan dengan tidak beretika, pengguna perlu melaporkan terus aduan kepada KPDNHEP di saluran aduan rasmi yang ada dengan menyertakan bukti dan perincian lengkap supaya tindakan segera dapat diambil.

**Terdapat segelintir peniaga tidak atau terlupa mempamerkan tanda harga barang, apakah tindakan yang boleh diambil ke atas mereka?**

Mempamerkan tanda harga barang sah dan kewajipan perlu dipatuhi peniaga tidak kira hal ketika pelaksanaan SHMMP ataupun tidak.

Bezanya, sepanjang SHMMP, peniaga wajib mematuhi tiga peraturan ditetapkan iaitu tidak menjual melebihi harga maksimum barang harga terkawal, meletakkan tanda harga merah jambu bagi barang harga terkawal dan menggunakan alat timbang dan sukat yang telah ditentusahkan.

Jika gagal dipatuhi, peniaga boleh dikompaun, didenda dan dipenjara.

**RAMAI pengguna terkesan dengan kenaikan harga barang termasuk ayam sehingga RM10 sekilogram baru-baru ini. – GAMBAR HIASAN**

Harga minyak masak naik

# Perubahan harga minyak sawit mentah beri kesan

## Kerajaan teruskan subsidi polibeg 1kg pastikan rakyat terus dapat bekalan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan peningkatan harga jualan minyak masak di pasaran adalah kesan daripada perubahan harga minyak sawit mentah dunia.

Ini memandangkan, harga sebahagian minyak masak dalam botol bersaiz lima kilogram (kg) di pasaran mencatatkan peningkatan, iaitu pada kadar RM30 dan ke atas.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata harga pasaran minyak masak botol 5kg bernilai RM25 pada 2019, namun mencatatkan kenaikan sehingga RM27 sebotol pada Disember lalu, berikutan peningkatan harga minyak mentah sawit dunia mencecah RM3,835 satu tan.

Selain itu, katanya, minyak mentah sawit dunia kini menunjukkan peningkatan semakin agresif hingga mencapai RM4,153 satu tan, namun bekalan minyak masak botol 5kg pada harga jualan antara RM23 hingga RM27 masih boleh didapati di pasaran.

"Pemberian subsidi minyak masak dalam polibeg 1kg tetap diteruskan bagi memastikan rakyat terus menikmati bekalan barang itu untuk kegunaan isi rumah pada harga mampu milik, iaitu RM2.50 sekilogram, sejak 2016.

"Kerajaan hanya kawal harga minyak polibeg 1kg sahaja, kedudukan harga semasa dan bekalan minyak masak dalam botol bersaiz 5kg tidak termasuk da-

lam Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak (COSS)," katanya kepada *BH*, semalam.

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan di Alor Setar, pengguna di Kedah resah apabila harga minyak masak dalam botol bersaiz 5kg naik mendadak sejak Januari lalu.

Setiausaha Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohd Yusrizal Yusoff, berkata tinjauan pihaknya mendapati rata-rata harga minyak 5kg di kedai serbaneka, pasar mini dan pasar raya adalah antara RM28 hingga RM34 berbanding RM25 hingga RM27, pada tahun lalu.

"Kami dapat berlaku lagi peningkatan harga (minyak masak) menjelang sambutan Aidilfitri kali ini. Pengguna rasa terbeban, tetapi terpaksa juga membuat pembelian kerana perlu menggunakanannya dalam kuantiti yang banyak ketika musim perayaan ini."

"Ramai pengguna yang terjejas akibat COVID-19. Jadi, saya berharap peniaga dan pemborong

tidak menaikkan harga barang termasuk minyak masak sesuka hati hanya kerana ingin mengaut keuntungan," katanya selepas mengadakan tinjauan minyak masak di Lorong Kilang Ais, di sini semalam.

Sehubungan itu, katanya, CAKE berharap minyak masak dan beberapa barang lain dapat disenaraikan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 yang dikuatkuasakan bermula 21 April lalu hingga 20 Mei depan.

"Sebelum ini, minyak masak memang berada dalam skim perayaan ini, tetapi untuk tahun ini ia tidak disenaraikan. Jadi kita harap kerajaan boleh pertimbangkan kerana penggunaan minyak masak semasa musim perayaan memang tinggi," katanya.

CAKE turut mencadangkan supaya beberapa barang lain seperti santan, kerisik dan sayur-sayuran dimasukkan dalam skim terbabit memandangkan senarai 12 barang sedia ada di dalam skim itu terlalu sedikit.

# Peniaga daging mahu harga dikaji semula

**Arau:** Kekurangan lembu tempatan dan kebergantungan kepada lembu import mungkin menyebabkan peniaga daging di Perlis tetap mahukan harga daging dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021, dikaji semula.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Penjaja dan Peniaga Kecil, Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Pembangunan Usahawan dan Industri Kecil dan Sederhana negeri, Azizan Sulaiman, berkata walaupun tiada laporan rasmi mengenai perkara itu di Perlis, pihaknya tetap memantau perkembangan berkenaan.

"Saya melihat ada rungutan dan gesaan supaya harga RM34 untuk daging segar yang ditetapkan dalam SHMMP dikaji semula, namun kita di pihak kerajaan negeri masih belum menerima laporan rasmi mengenai perkara berkenaan.

"Saya tidak menolak kemungkinan kekurangan lembu tempatan serta kebergantungan kepada lembu import, terutama dari Thailand menyebabkan harga daging segar dikatakan meningkat naik bagi musim perayaan ini," katanya selepas merasmikan program Kempen Hargai Ma-



Azizan (empat dari kanan) bersama Shamsuharizal (lima dari kanan) menunjukkan mangkuk tingkat digunakan bagi mengisi juadah pada program Kempen Hargai Makanan Elakkan Pembaziran di Bazar Ramadan Arau, semalam.

(Foto Aizat Sharif/BH)

kanan Elakkan Pembaziran di Bazar Ramadan Arau, di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, tiada sebarang kenaikan harga minyak masak bersubsidi dikesan di Perlis seperti didakwa sesetengah pihak.

"Harga minyak masak, terutama satu kilogram masih kekal RM2.50, harga minyak masak boleh juga kekal mengikut jumlah

berat isi padu yang dibotolkan. Diharapkan semua pihak dapat mematuhi SHMMP 2021 dan tidak sesuka hati menaikkan harga barang ditetapkan," kata-nya.

Terdahulu ketika berucap pada majlis berkenaan, Azizan berkata, kajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) mendapat, sisa makanan yang dilupuskan di

tapak pelupusan sampah seluruh Malaysia adalah sekitar 44.5 peratus atau bersamaan 17,000 tan sehari.

"Jumlah itu boleh memberi makan 3 juta orang sehari dengan tiga kali hidangan daripada sarapan, makan tengah hari dan makan malam. Di Perlis sahaja, sisa makanan direkodkan sehari adalah 35.9 peratus atau 52.5 tan di mana ia boleh memberi makan 1,300 orang dengan tiga kali hidangan.

"Pembaziran ini lazimnya pada Ramadan terutama di bazar Ramadan, hotel serta restoran yang menganjurkan buffet berbuka puasa di mana sisa makanan yang tidak habis akan dibuang sahaja selepas itu," katanya.

Terdahulu, Azizan bersama Pengarah SWCorp Negeri Perlis, Shamsuharizal Basir bersama-sama meninjau perjalanan operasi peniaga Bazar Ramadan Arau di samping memberi peringatan dan gesaan untuk mengelakkan pembaziran makanan serta mengurangkan penggunaan beg plastik dalam kalanjan peniaga.

Pengunjung bazar Ramadan di galak membawa mangkuk tingkat dalam dalam usaha mengelakkan pembaziran serta penggunaan beg plastik.

## Pahang puas hati tindakan tegas KPDNHEP

**Jerantut:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang memeriksa 18,781 premis di seluruh negeri dalam tempoh Januari lalu hingga semalam, antara lain bagi mengesan peniaga yang menaikkan harga sesuka hati bagi mengaut untung.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna Pahang, Datuk Nazri Ngah, berkata dalam gerakan berkenaan, 345 kes membabitkan rampasan pelbagai barang bernilai RM274,114 serta kompaun RM89,000.

"KPDNHEP negeri dan cawangan juga menerima 230 aduan pelbagai kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Akta Anti-pencatutan.

"Setakat ini, 211 aduan sudah selesai disiasat," katanya selepas pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMHPRP), di sini, semalam.

Nazri berkata, kerajaan negeri berpuas hati dengan tindakan tegas KPDNHEP Pahang dalam membuat pemantauan dan pemeriksaan di pasar awam, pasar tani, pasar raya, baik di bandar atau luar bandar bagi menangani peniaga yang cuba memanipulasi harga barang dan jualan.

"KPDNHEP perlu melancarkan SHMMHPRP untuk menyekat kenaikan harga barang semasa Ramadan dan menjelang Aidilfitri, di samping mendidik peniaga agar lebih beretika," katanya.

Beliau berkata, peniaga sewajarnya lebih beretika serta bertanggungjawab mematuhi arahan penetapan harga barang dalam tempoh ini, sekali gus meringankan beban kewangan pengguna khususnya ketika negara masih berdepan ancaman pandemik COVID-19.

Nazri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tawar, juga mengingatkan peniaga supaya mengelak daripada mengaut untung berlebihan dengan menaikkan harga sesuka hati ketika permintaan pengguna meningkat.

"Pengguna pula, tidak perlu panik berbelanja kerana barang keperluan mencukupi dan boleh didapati di semua pasar raya dan kedai runcit di tempat masing-masing.

"Jika berlaku kekurangan barang keperluan dan aktiviti mengaut untung peniaga, laporan segera kepada penguat kuasa di pejabat KPDNHEP berdekatan atau portal e-aduan@kpdnhep.gov.my," katanya.

# Harga minyak masak botol dipengaruhi harga dunia

**PUTRAJAYA** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius situasi harga minyak masak botol yang dikatakan meningkat di pasaran kerana menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup rakyat.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, rakyat bagaimanapun perlu faham bahawa perubahan harga bagi minyak masak botol ketika ini banyak dipengaruhi kenaikan harga minyak mentah dunia.

Beliau menjelaskan, harga minyak mentah dunia menunjukkan trend meningkat sejak 2018 dan pada akhir Disember tahun lalu, harga minyak mentah dunia menunjukkan peningkatan sehingga mencecah RM3,835 tan metrik (m/t) sebelum semakin agresif meningkat sehingga RM4,153 m/t pada tahun ini.

Pada masa sama, beliau berkata, minyak masak botol tidak diberikan subsidi oleh kerajaan dan akan dijual mengikut harga pasaran berdasarkan mekanisme pengapungan harga.

"Harga pasaran minyak masak adalah ditentukan oleh harga Minyak Sawit Mentah dunia dan lain-lain kos yang menyumbang kepada penentuan harga runcit minyak masak botol.

"Kos terbabit termasuklah kos operasi, kos bahan mentah (minyak masak mentah) dan kos pembungkusan (kos botol atau plastik adalah berbeza).

"Justeru, wajar dan mun-



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP sentiasa meninjau harga bekalan minyak masak di pasaran. — GAMBAR HIASAN

sabah situasi perubahan harga minyak mentah dunia ini memberi kesan kepada perubahan harga runcit minyak masak botol di pasaran," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Alexander berkata, berdasarkan rekod pemantauan harga KPDNHEP sepanjang April ini, harga terendah bagi minyak masak botol tulen 5 kilogram (kg), adalah RM21.50 dan harga tertinggi adalah RM30.

"Untuk makluman, harga runcit minyak masak campuran jauh lebih tinggi berbanding minyak masak sawit tulen di mana minyak masak campuran mempunyai penambahan kos tambahan

yang juga mempengaruhi harga jual minyak masak.

"Pilihan ada di tangan pengguna untuk membeli minyak masak botol jenis tulen atau campuran dengan harga runcit yang dijual," katanya.

Beliau berkata, sejak Januari lalu, sebanyak 16 aduan diterima berhubung kenaikan harga minyak masak botol, namun jumlah aduan kemudian menurun kepada tiga pada Februari dan lima pada Mac selain tiada kes dilaporkan lagi pada bulan ini.

"Ini seiring dengan data kutipan harga minyak masak jenis tulen botol 5 kg yang menunjukkan harga terendah ada dijual di

## Harga minyak masak mentah dunia

November 2018	RM1,711 tan-metrik (m/t)
Mac 2019	RM1,866 m/t
Oktober 2019	RM3,025 m/t
Disember 2020	RM3,835 m/t
April 2021 (semasa)	RM4,153 m/t

pasaran hanya antara RM21.50 hingga RM30," katanya.

Dalam pada itu, Alexander berkata, program pemberian subsidi minyak masak dalam polibeg 1 kg tetap diteruskan kerajaan bagi memastikan rakyat terus dapat menikmati bekalan minyak masak untuk kegunaan isi rumah pada harga mampu milik iaitu RM2.50 bagi 1 kg.

Menurutnya, pengguna diberi pilihan untuk memilih minyak masak bersubsidi 1 kg yang juga berkualiti atau memilih minyak masak botol yang ada dijual dalam pelbagai berat dan harga.

"Sebanyak 60,000 tan metrik (m/t) sebulan (atau 720,000 m/t setahun) minyak masak 1 kg bersubsidi telah diedarkan di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar.

"Jumlah pengeluaran dan pengedaran minyak masak 1 kg ini adalah mencukupi bagi kegunaan 32.7 juta orang rakyat Malaysia," katanya.

'Paksa' pengguna beli motosikal hutang

# Pengedar berdepan tindakan

**Tiada kompromi pihak kenakan terma jual beli tak masuk akal**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin,  
Luqman Arif Abdul Karim dan  
Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengedar motosikal yang mengenakan terma jual beli tidak masuk akal sehingga pengguna terpaksa membayar harga tidak munasabah untuk kendaraan itu akan berdepan tindakan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata kementerian tidak akan berkompromi dengan perbuatan itu lebih-lebih lagi dalam keadaan pandemik dan ekonomi sekarang.

Katanya, tindakan undang-undang akan diambil jika kementerian menerima aduan dan siasatan mendapati ada unsur penganiayaan terhadap pengguna ketika urusan jual beli itu.

Beliau berkata, kementerian sudah mengambil tindakan proaktif dengan mengadakan pertemuan dan libat urus bersama pemain industri kendaraan bagi memastikan mereka mematuhi etika jual beli bagi mengelak penganiayaan kepada pengguna,



baru-baru ini.

"Kita mohon pengguna buat aduan rasmi dengan bukti dan maklumat lengkap kepada KPDNHEP di saluran disediakan supaya siasatan dan tindakan lanjut boleh diambil ke atas peniaga terbabit.

"Saya ingatkan kepada semua peniaga untuk mematuhi undang-undang dan tidak mengambil kesempatan terhadap pengguna, selain tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga ingkar."

"Penguat kuasa KPDNHEP juga menjalankan pemantauan berterusan mengenai isu ini," katanya semalam.

Beliau mengulas laporan BH semalam mengenai tindakan pengedar motosikal yang 'memaksa' pengguna membeli kendaraan itu secara hutang berbanding tunai untuk mengaut keuntungan lebih.

Dalam pada itu, mengulas mengenai arahan Perdana Menteri supaya kementerian proaktif kawal kenaikan harga barang, Rosol berkata, pengguna perlu bersatu dan menggunakan kuasa pembeli dengan bijak bagi memastikan tiada peniaga atau pe-

ngeluar mengambil kesempatan mengaut keuntungan lebih kerana peningkatan harga bahan api atau bahan mentah.

Katanya, alasan sering diguna peniaga untuk menaikkan harga jualan ialah peningkatan kos bahan api serta bahan mentah dan ini tidak adil bagi pengguna.

Beliau berkata, keadaan itu sangat tidak adil bagi pengguna kerana pengeluar atau peniaga didapati tidak menurunkan harga barang mereka apabila kos bahan api atau bahan mentah turun.

"Kita minta pengguna lebih bijak dan gunakan kuasa pembeli sebaik mungkin untuk menentukan (harga barang) seperti di Barat.

"Ini menyebabkan peniaga dan pengeluar tidak boleh memanipulasi kerana mereka (kuasa

pengguna) kuat, jadi mereka juga diperlukan di Malaysia.

"Masalahnya, pengguna ketika ini tidak bersatu dan mereka tetap membeli sesuatu barang walaupun ia dijual pada harga yang mahal. Itulah senario di Malaysia.

"Kita memang bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kepenggunaan bagi menyelesaikan isu harga ayam," katanya.

"Bagi isu kenaikan harga ayam misalnya, kita bekerjasama dengan pengusaha ladang di seluruh negara bagi mengenal pasti mana-mana pemborong yang menjual haiwan itu melebihi paras siling ditetapkan, selain yakin ia dapat ditangani dalam masa terdekat," katanya.



Pengedar diminta usah ambil kesempatan dengan terma jual beli tidak masuk akal terhadap harga motosikal.  
(Foto hiasan)

## Manipulasi pasaran terbuka punca motosikal mahal

**Kuala Lumpur:** Manipulasi dasar pasaran terbuka dalam perniagaan motosikal di negara ini menyebabkan harga kenderaan itu tinggi bagi sesetengah model yang dianggap 'panas' oleh pengedarnya.

Konsep pasaran terbuka itu digunakan oleh pengedar seolah-olah mereka yang menentukan harga akhir untuk mengaut keuntungan besar ke atas penjualan besar model 'panas' yang mendapat permintaan tinggi.

Namun, dua aspek yang pihak berkuasa boleh ambil tindakan terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) iaitu jika wujud elemen pengariaaan atau memaksa pembeli membeli secara ansuran dengan sengaja tidak mahu menjual tunai untuk kaut keuntungan lebih.

"Atau pengedar menyimpan stok untuk model paling laris, semata-mata bagi mengaut keuntungan berlipat kali ganda apabila dijual untuk tempoh masa tertentu," kata sumber industri.

Sumber itu berkata, manipulasi pasaran terbuka juga mewujudkan jurang beza harga yang besar antara pengeluar dan pengedar yang kemudian menjadi mangsa adalah pengguna.

Dalam satu kawasan kecil, dapat dilihat perbezaan harga ketara model sama yang dianggap 'panas'.

"Isu ini tidak dapat dikawal oleh pengeluar atau pemilik jenama motosikal dan kerajaan, ia menyebabkan harga model tertentu menjadi tidak munasabah hanya disebabkan mendapat permintaan tinggi," katanya kepada BH.

Katanya, meskipun kebanyakannya pengeluar mengumumkan harga disyorkan atau harga pengeluar atau harga dicadangkan, kadar harga akhir jauh berbeza kerana kuasa penentu ada di tangan pengedar yang ia tidak menjadi kesalahan dalam pasaran terbuka.

Beliau berkata, pengedar tidak hanya untung atas komisen yang diberikan oleh pengeluar, malah membuat keuntungan jauh lebih besar selepas motosikal didaftarkan.

"Ada juga perbezaan harga yang ketara jika pengguna ingin membeli secara tunai dan ansuran atau situasi pelanggan yang ingin tempoh menunggu lebih pendek," katanya.

Walaupun dianggap isu ini tidak dapat dikawal, katanya pembeli perlu memainkan peranan sebagai pengguna bijak dengan membuat perbandingan antara kedai.